


PERANAN WARIS KETIKA PESAKIT SEDANG NAZAK

- Membaca surah ar-Ra'd, Yaasin, surah ali Imran ayat 7-8 dan surah-surah atau doa pilihan lain secara individu atau berjamaah.
- Pesakit berbaring dengan menelentang, muka, kedua kaki menghadap kiblat, tinggikan sedikit kepala jenazah agar dada menghadap kiblat.
- Waris disunatkan duduk di kepala atau berhampiran pesakit dan meribakan pesakit bagi memudahkan komunikasi.
- Waris perlu membisikkan kalimah Allah dengan lembut, tenang dan berterusan agar pesakit mampu melafazkannya.
- Menyapu air ke muka pesakit dan titiskan sedikit air ke mulut pesakit (dengan menggunakan kapas/ sudu/ straw) atau sapu di atas mulut pesakit.
- Bersangka baik kepada pesakit, tidak membuat bising atau bersempang perkara yang sia-sia.



PERANAN WARIS SELEPAS PESAKIT MENINGGAL

- Tutup matanya dengan do'a: "*Bismillahi 'ala millati Rasulillahi SAW*". Jika terbuka, sapu minyak dan usap dengan perlahan.
- Salin pakaian jenazah dengan lemah-lembut, buka perhiasan dan jaga auratnya.
- Tutup seluruh tubuh jenazah dengan kain bersih.
- Letakkan jenazah di tempat tinggi (contoh seperti katil).
- Lembutkan sendi jenazah (boleh jika menggunakan minyak) supaya mudah dimandikan.
- Ikat dagu dan pergelangan kaki jenazah bagi mengelakkan mulut ternganga, air keluar dari mulut atau dimasuki serangga.
- Meletakkan kedua belah tangan jenazah atas dada dengan tangan kanan di atas tangan kiri (seperti dalam solat).
- Sunat meletakkan sesuatu yang keras atas perut jenazah atau mengikat perut jenazah dengan kain bagi mengelakkan dimasuki angin dan mengelakkan fitnah. Jangan letakkan al-Qur'an dan Hadith.
- Waris perlu memaklumkan kematian kepada waris, saudara mara, jiran dan lain-lain.
- Keutamaan diberi kepada waris/ wali untuk menguruskan jenazah.

- Boleh menguncup jenazah (bagi mahram) dan menangis dengan sekadarnya (tidak melampaui batas).
- Melaksanakan hutang atau nazar jenazah dengan kadar segera.
- Saudara mara dan jiran terdekat perlu membantu waris menyediakan makanan bagi kenduri kematian.
- Sabda Rasulullah SAW : "*Sesiapa yang menghadiri jenazah hingga disembahyangkannya mendapat pahala satu qirat. Dan sesiapa yang menyertainya hingga ke kubur, maka mendapat pahala dua qirat. Sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW: Apakah dua qirat itu? Nabi bersabda : Sebesar dua buah bukit yang besar-besar*".

(Riwayat Abu Hurairah)

LARANGAN

- Elakkan perasaan kesal, meraung-raung dan meratapi jenazah kerana ia adalah budaya jahiliyyah serta jauhi perbuatan khurafat.
- Elakkan majlis kenduri yang boleh mengakibatkan sehingga waris kesempitan wang kerana khuatir termakan harta anak yatim, harta peninggalan jenazah dan mengambil hak faraid.
- Elakkan dari perbuatan mengumpat, bersenda gurau dan bercakap mengenai keburukan jenazah.

PANDUAN RINGKAS SOLAT JENAZAH

1. Berniat dan Takbiratul ihram (takbir pertama):

أصلى على هذا الميت/ هذه الميتة أربع تكبيرات فرض كفاية لله تعالى

Ertinya : *Sahaja aku sembahyang atas jenazah lelaki ini/ wanita ini empat takbir fardhu kifayah kerana Allah*”.

2. Membaca Surah al-Fatihah.
3. Membaca Selawat Ibrahimiah (selawat tahiyat akhir) selepas takbir kedua.
4. Membaca doa bagi jenazah selepas takbir ketiga.

*Jenazah lelaki :

اللهم اغفر له وارحمه وعافه واعف عنه

*Jenazah wanita :

اللهم اغفر لها وارحمها وعافها واعف عنها

Maksudnya : “ Ya Allah ampunilah dia, berilah rahmat dan kesejahteraan kepadanya serta maafkanlah dia”.

5. Takbir keempat dan disunatkan membaca: Maksudnya : "Ya Allah! Janganlah pahalanya

اللهم لا تحرمنا أجره ولا تفتنا بعده واغفر لنا وله

tidak sampai kepada kami dan janganlah Engkau memberi kepada kami fitnah sepeninggalannya dan ampunilah kami dan dia ."

6. Salam

PENGURUSAN JENAZAH ISLAM DI HTAR KLANG (SELIAAN UHEI)

KEMATIAN DI WAD

JENAZAH TELAH BERADA
DI JABATAN FORENSIK

WARIS BERURUSAN DI KAUNTER
JABATAN FORENSIK (BILIK MAYAT)
MENGIKUT PROSEDUR JABATAN FORENSIK

WARIS MENGHUBUNGI PENGURUS JENAZAH
BERTUGAS JIKA BERSETUJU UNTUK
KHIDMAT URUSAN DI HTAR

PENGURUS JENAZAH MENGISI
BORANG DAN SERAHAN BAYARAN

URUSAN PENYEMPURNAAN JENAZAH
(MANDI, KAFAN, SOLAT)

SERAH JENAZAH KEPADA WARIS

PENGANGKUTAN & PENGEBUMIAN
JENAZAH
(DIURUS SENDIRI OLEH WARIS)

Perhatian :

- Waris dinasihatkan berurusan terus ke kaunter Jabatan Forensik dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak hospital.
- Waris dinasihatkan tidak berunding dengan orang tengah dalam pengurusan jenazah.

TERBITAN
2010



KEMATIAN : BERMULANYA
KEHIDUPAN ABADI



Mati merupakan suatu yang pasti bagi setiap yang bernyawa.

Firman Allah SWT :

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Maksudnya : “ Setiap yang hidup akan pasti merasai mati, kemudian kepada Kami (Allah) kau akan dikembalikan.”

Disediakan oleh :

Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA